

**GARIS PANDUAN LOT-LOT KECIL DI PANTAI UTARA YANG TERLIBAT
DENGAN PELEBARAN JALAN DAN ANJAKAN 50 KAKI DARIPADA
SEMPADAN LOT DI SEBELAH LAUT.**

1.0 TUJUAN

- 1.1 Tujuan garis panduan ini adalah untuk membenarkan pengecualian pemakaian garis panduan anjakan 50 kaki daripada sempadan lot di sebelah laut ke atas lot-lot kecil di kawasan Pantai Utara iaitu lot-lot 22, 23, 24, 25, 26, 28, 30, 31, 32 dan 33, Jalan Tanjung Bungah, Bandar Tanjung Bungah, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang.
- 1.2 Rasional untuk membenarkan pengecualian garis panduan anjakan 50 kaki ini ke atas lot-lot kecil di atas adalah setelah peruntukkan untuk pelebaran jalan, garisan dan anjakan bangunan, dan anjakan 50 kaki daripada sempadan lot di sebelah laut dikenakan ke atas lot-lot ini, kawasan tepu bina (*plinth area*) akan berkurangan dan tidak lagi ekonomik untuk pembangunan.
- 1.3 Implikasi yang akan wujud sekiranya lot-lot kecil ini tidak lagi ekonomik untuk pembangunan adalah Pengambilan Balik Semula Tanah perlu dilakukan oleh Pihak Kerajaan dan wujudnya binaan-binaan tanpa kebenaran yang perlu dikawal oleh pihak MPPP.

2.0 KAWASAN PEMAKAIAN

- 2.1 Garis panduan ini hanya terpakai ke atas lot-lot 22, 23, 24, 25, 26, 28, 30, 31, 32 dan 33, Jalan Tanjung Bungah, Bandar Tanjung Bungah, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang.

(Sila rujuk pelan tapak yang dilampirkan)

3.0 PELEBARAN JALAN / GARISAN BANGUNAN

- 3.1 Keperluan anjakan bangunan dan garisan bangunan seperti yang digariskan di dalam Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 (UBBL) dan peruntukkan garisan pelebaran jalan adalah masih terpakai bagi lot-lot di atas.

4.0 TARIKH PELAKSANAAN

- 4.1 Garis panduan ini telah dipersetujui oleh Jawatankuasa Tetap Perancangan Pemajuan pada 13.6.2012.
- 4.2 Tarikh pemakaian garis panduan ini adalah tarikh ianya di sahkan di Mesyuarat Biasa Majlis pada 29.6.2012.

Pengecualian Anjakan 50 Kaki Daripada Sempadan Lot Di Sebelah Laut Untuk Lot-Lot 22,23,24,25,26,28,30,31,32,33, Jalan Tanjung Bunga, Bandar Tanjung Bunga, DTL.

LAMPIRAN



PETUNJUK
Lot Terlibat

